

MODUL KOLEKTIF GMathS

(GURU MATEMATIK SABAH)

***“NAMPAK SUSAH,
TAPI SENANG SEBENARNYA”***



Diterbitkan dengan kerjasama
Unit Sains & Matematik
Sektor Pembelajaran
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah

Jurulatih Utama Negeri (Matematik)
Jurulatih Utama Daerah (Matematik)
Guru-Guru Matematik Sabah

PRAKATA

Salam sejahtera. Saya bersyukur kerana hasil usaha banyak pihak akhirnya Modul Kolektif GMathS ini dapat dihasilkan. Modul ini merupakan inisiatif Unit Sains Dan Matematik, Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dengan kerjasama semua Pejabat Pendidikan Daerah. Penggubal modul adalah terdiri daripada Jurulatih Utama



Negeri, Jurulatih Utama Daerah, Guru-guru Cemerlang serta guru-guru Matematik yang berpengalaman dalam Mata Pelajaran Matematik. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas usaha semua guru yang terlibat kerana begitu gigih untuk menyiapkan modul ini agar dapat dimanfaatkan oleh semua guru dan murid-murid di sekolah.

Modul Kolektif GMathS ini bermatlamat untuk menjadi rujukan guru-guru Matematik dan murid-murid terutamanya calon-calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang bermula dengan format baharu Pentaksiran Matematik SPM bagi Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) pada tahun 2021. Diharap dengan lahirnya modul ini juga akan menjadi panduan kepada semua murid agar berjaya menguasai Mata Pelajaran Matematik KSSM serta lebih bersedia menghadapi peperiksaan SPM khususnya kertas soalan Matematik dalam bentuk format yang baharu. Semoga Modul Kolektif GMathS ini juga turut membantu guru-guru membimbing anak didik mereka untuk membuat persiapan menjelang peperiksaan SPM.

Akhir sekali, kami ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dan semua Pejabat Pendidikan Daerah atas sokongan dan kepercayaan yang diberikan untuk menghasilkan modul ini. Terima kasih juga kepada pihak yang telah memberikan pendapat, kritikan, sokongan dan segala bentuk dorongan secara langsung atau tidak langsung sehingga terhasilnya modul ini dengan jayanya.

Sekian dan terima kasih.

Ketua Penggubal Modul GMathS

Ng Zin Mee @ Felicitiy Ng



PANEL PENGGUBAL MODUL KOLEKTIF GMathS

PENYELARAS

Ahmad Yani bin Lisani

KETUA PENGGUBAL MODUL

Ng Zin Mee @ Felicity Ng

PEN. KETUA PENGGUBAL MODUL

Beche binti Mado

KETUA EDITOR

Azuraemi Sudin

PEREKA GRAFIK

Mohd Dzulasراف Jame

JURUAUDIT BAHASA

Nurchaya Abdul Rashid

Siti Khatijah Cuki

PROMOSI & FASILITI

Pan Fui Lin

PANEL PENGUBAL MODUL KOLEKTIF GMATHS

PENGUBAL ITEM KERTAS 1

Punitha Therimaly (K)
Aileen Chong
Andrese Glabi
Fadzilah Yahya
Fatimatolzaharah Binti Awang
Lain Kok Chung
Marlina Mohd Syata
Nuraisa Sawang

PENGUBAL ITEM KERTAS 2

Lee Chiong Tee (K)
Anin Bin Ansulop
Azuraemi Sudin
Chan Mei Kheng
Hashim Bin Omar Kassim
Heri Bin Baco
Ibrahim Ambo Mase
Imelda Joe
Kenny Wong Vun Khen
Lee Shui Ching
Lily @ Viia Binti Sabil
Marlindah Anak Ta
Nadzirah Binti Selamat
Nancy Benedict
Norehan Yusof
Norzalilah Binti Ag Mohd Arifin Azmi
Nur Syazwani Binti Yussof
Pan Fui Lin
Phang Pang Hing
Stella Jane Peter
Wong Teck Sun @ Allex

PENGUBAL ITEM MENENGAH RENDAH

Chin Siau Ling (K)
Emmily Binti Masirih
Izetty Binti Ibrahim
Nazahwaty Binti Jali
Shirley Jammy
Siti Khatijah Binti Cuki
Vinson Baidis

PENYEDIAAN NOTA-NOTA RINGKAS

Revel Amin (K)
Chin Kui Kyun
Lydrinnie Koh
Marilyn Gakim
Nurchaya Abdul Rashid
Teo Tuan King

PENGUMPUL ITEM

Kertas 1 :
Punitha Therimaly

Kertas 2:
Beche Binti Mado
Felicity Ng
Suresh Kumar A/L Loganathan
Teresa Tian Li Ken

Menengah Rendah:
Chin Siau Ling

Nota-nota Ringkas:
Revel Amin

	HALAMAN
PANEL PENGUBAL MODUL KOLEKTIF GMaths	
1 Ciri-ciri Modul / Panduan Pengguna	6
2 KOLEKSI NOTA DAN LATIHAN MENENGAH RENDAH	
BULATAN	8
GARIS LURUS	17
LOKUS	26
SIMPANAN & PELABURAN, KREDIT & HUTANG	39
PELAN DAN DONGAKAN	49
PERSAMAAN LINEAR	61
ISIPADU PEPEJAL	71
SKEMA JAWAPAN	82
3 KOLEKSI NOTA DAN LATIHAN TINGKATAN EMPAT	
PERSAMAAN KUADRATIK DALAM SATU PEMBOLEHUBAH	104
ASAS NOMBOR	111
PENAAKULAN LOGIK	125
OPERASI SET	137
RANGKAIAN DALAM TEORI GRAF	145
KETAKSAMAAN LINEAR DALAM DUA PEMBOLEHUBAH	153
GRAF GERAKAN	161
SUKATAN SERAKAN DATA TAK TERKUMPUL	179
KEBARANGKALIAN	186
PENGURUSAN KEWANGAN	196
SKEMA JAWAPAN	206
4 KOLEKSI NOTA DAN LATIHAN TINGKATAN LIMA	
UBAHAN	229
MATRIKS	235
INSURAN	245
PERCUKAIAN	260
KEKONGRUENAN, PEMBESARAN & GABUNGAN	267
TRNASFORMASI	
NISBAH & GRAF FUNGSI TRIGONOMETRI	282
SUKATAN SERAKAN DATA TERKUMPUL	291
PEMODELAN MATEMATIK	321
SKEMA JAWAPAN	331
5 SET BONUS	
SET MODUL KERTAS 1 JPN (SET A)	333
SET MODUL KERTAS 1 JPN (SET B)	360
SKEMA JAWAPAN	

CIRI-CIRI MODUL GMathS



Bagaimana menggunakan Modul Kolektif GMathS

MODUL	KANDUNGAN	KELEBIHAN
Terbahagi kepada 4 bahagian i. Nota dan soalan menengah rendah bagi tajuk terpilih. ii. Nota dan soalan bagi setiap tajuk Tingkatan 4 iii. Nota dan soalan bagi setiap tajuk Tingkatan 5 iv. 2 set soalan Kertas 1 format baharu KSSM	- Menepati format baharu KSSM - Soalan berunsurkan KBAT	- Ruang pengiraan dan jawapan yang mencukupi disediakan pada setiap soalan dalam kertas 2. - Jawapan dan skema permarkahan bagi setiap soalan boleh dirujuk pada akhir bahagian masing-masing.
“Nampak Susah, Tapi Senang Sebenarnya”		

The image features a white background with large, rounded teal shapes in the top-right and bottom-left corners. Centered on the page is the title text in a bold, dark teal font.


KOLEKSI NOTA DAN LATIHAN TOPIK MENENGAH RENDAH

The image features a white background with two large, teal-colored geometric shapes in the corners. One shape is in the top right corner, and the other is in the bottom left corner. Both shapes are composed of overlapping rounded rectangles, creating a layered effect. The text is centered in the middle of the page.

01.BULATAN ***CIRCLE***



Nota Ringkas

Bulatan/Circles




(a) the Circumference / perimeter of circle $= 2\pi r$
(Perimeter bulatan)

(b) the length of arc AB $= \frac{\theta}{360} \times 2\pi r$
(Lengkuk AB)




(a) the Area of circle $= \pi r^2$
(Luas bulatan)

(b) the Area of sector AOB $= \frac{\theta}{360} \times \pi r^2$
(Luas Sektor AOB)



Example :



- $\Rightarrow$ (a) the perimeter, in cm, of the whole diagram,
(b) the area, in cm^2 , of the shaded region.

(a) the length of arc NR
(panjang lengkok NR)

$$= \frac{30}{360} \times 2 \times \frac{22}{7} \times 7$$

$$= 3\frac{2}{3}$$

the length of arc QP
(Panjang Lengkuk QP)

$$= \frac{60}{360} \times 2 \times \frac{22}{7} \times 14$$

$$= 14\frac{2}{3}$$

the perimeter of the whole diagram
(Perimeter Keseluruhan rajah)

$$= ON + NR + RQ + QP + PO$$

$$= 7 + 3\frac{2}{3} + 7 + 14\frac{2}{3} + 14$$

$$= 46\frac{1}{3}$$

(b) the area of sector ONR
(Luas Sektor ONR)

$$= \frac{30}{360} \times \frac{22}{7} \times 7^2$$

$$= 12\frac{5}{6}$$

the area of sector ORM
(Luas Sektor ORM)

$$= \frac{60}{360} \times \frac{22}{7} \times 7^2$$

$$= 25\frac{2}{3}$$

the area of sector OQP
(Luas Sektor OQP)

$$= \frac{60}{360} \times \frac{22}{7} \times 14^2$$

$$= 102\frac{2}{3}$$

the area of the shaded region
(Luas Kawasan Berlorek)


$$= 102\frac{2}{3} - 25\frac{2}{3} + 12\frac{5}{6}$$

$$= 89\frac{5}{6}$$

LATIHAN
Bahagian A
Section A

1. Abu ingin membeli segulung dawai untuk memasang pagar di sekeliling kebunnya. Kawasan berlorek dalam gambar Rajah 1 menunjukkan kawasan yang perlu dipagar. Menggunakan $\pi = \frac{22}{7}$, hitung jumlah kos yang perlu disediakan oleh Abu sekiranya harga 1 m dawai ialah RM 2.50. (Panjang kawasan tersebut adalah 2 kali ganda dari lebarnya).

Abu wants to buy a coil of wire to build a fence around his garden. The shaded area in diagram 1 shows the area that need to be covered by the coil. Use $\pi = \frac{22}{7}$, calculate the total cost that Abu need to buy the coil if 1 m of coil is RM 2.50. ((The length of the area is 2 times its width)).




Rajah 1/ Diagram 1 5 m

[4 Markah/ 4 marks]

Jawapan/Answer :

2. Rajah 2 menunjukkan sekeping jubin lantai yang berpusat di O . Diberi bahawa perimeter jubin tersebut adalah 39 cm. Hitung, luas jubin lantai tersebut. [Guna $\pi = \frac{22}{7}$]

Diagram 2 shows a piece of floor tiles that centre at O . Given the perimeter of the floor tiles is 39 cm. Calculate the area of the floor tiles. [use $\pi = \frac{22}{7}$]




Rajah 2/ Diagram 2

[4 Markah/ 4 marks]

Jawapan/Answer :

3. Rajah 3 di bawah menunjukkan sebuah sektor bulatan berpusat O.
Diberi $OP = PQ = 5 \text{ cm}$ dan panjang lengkok $PS = 4 \text{ cm}$, cari
The diagram 3 below shows a sector of circle centre O.
Given that $OP = PQ = 5 \text{ cm}$ and the arc length $PS = 4 \text{ cm}$, find



Rajah 3/ Diagram 3

- a) nilai θ ,
the value of θ , [2 Markah/ 2 marks]
- b) perimeter kawasan berlorek.
perimeter of the shaded region. [2 Markah/ 2 marks]


Jawapan/Answer :

(a)

(b)

Bahagian B/ Section B

1. Norsyazwani bercadang membina sebuah kolam renang di belakang rumahnya. Gambar Rajah 1 di bawah menunjukkan pelan kolam renang yang dilukis oleh Norsyazwani.
Norsyazwani plans to build a swimming pool in the backyard of her house. Diagram 1 below shows the pool plan drawn by Norsyazwani.



Rajah 1
 Diagram 1

Kawasan yang berlorek *OKLM* menunjukkan paras air kolam yang cetek, manakala kawasan kolam *AOB* pula adalah bahagian paras air yang dalam. Diberi bahawa panjang jejari *OA* ialah 15 cm dan *OM: OB = 3: 2*. Hitung

The shaded area OKLM shows the shallow water level of the pool, while the pool area AOB is the deep-water level. Given that the radius OA is 15 cm and OM: OB = 3: 2. Calculate

[Guna $\pi = \frac{22}{7}$ / use $\pi = \frac{22}{7}$]

- | | |
|---|---------------------|
| a) perimeter kolam <i>OKLM</i> .
<i>The pool OKLM perimeter</i> | [3 markah/ 3 marks] |
| b) Beza panjang lengkok <i>KLM</i> dan <i>AB</i> .
<i>The different arc length of KLM and AB</i> | [3 markah/3 marks] |
| c) Luas kawasan berlorek.
<i>The shaded area.</i> | [3 markah/ 3 marks] |

Jawapan/Answer :

a)

b)


c)

2. Pak cik Ali mempunyai dua jenis kebun seperti yang ditunjuk dalam Rajah 2. Beliau bercadang untuk menyewakan kawasan tanah yang berlorek kepada petani tempatan. Kedua-dua kawasan berlorek tersebut mempunyai jejari yang sama iaitu 7 m.

[Guna $\pi = \frac{22}{7}$]

Uncle Ali has two types of gardens as shown in Diagram 2. He wants to lease the shaded land area to local farmers. The two shaded areas have the same radius of 7 m.

[use $\pi = \frac{22}{7}$]



Rajah 2
Diagram 2

- a) Pak Cik Ali ingin membuktikan bahawa kedua-dua kawasan berlorek itu mempunyai keluasan yang sama kepada penyewanya. Adakah pernyataan Pak Cik Ali benar? Sila jelaskan jawapan anda dalam bentuk pengiraan.

Uncle Ali wanted to prove to his tenants that both of the shaded part have the same area. Is Uncle Ali's statement true? Please justify your answer in the form of calculation.

[6 markah/ 6 marks]

- b) Andaikan Tanah B mempunyai panjang 10 m dan lebar 15 m, kira luas kawasan yang tidak berlorek.

Assume that land B length and width are 10 m and 15 m, calculate the unshaded area.

[3 Markah/ 3 marks]

Jawapan/Answer :

a)

b)

3. (a) Rajah 3.1 menunjukkan sebuah roda "Ferris" yang mempunyai jejari 10 m.
Diagram 3.1 shows a Ferris Wheel that has radius of 10 m.




Rajah 3.1/ diagram 3.1

Ali menaiki roda "Ferris" tersebut bersama adiknya. Dalam tempoh 30 minit, roda "Ferris" tersebut bergerak dalam jarak membulat sejauh 700m. Berapakah pusingan akan dilalui oleh roda "Ferris" selepas 1 jam?

Ali rides the Ferris Wheel with his brother. In 30 minutes, the Ferris Wheel moves in circular motion distance of 700 m. In 1 hour, how many number of spin that the Ferris wheel completed? [Guna / use $\pi = \frac{22}{7}$] [4 markah/ 4 marks]

- (b) Rajah 3.2 menunjukkan 5 buah bulatan sama saiz disusun rapat dalam satu segi empat tepat. Panjang Segi empat tepat ialah 50 cm dan lebar ialah 10 cm.
[Guna $\pi = \frac{22}{7}$]

Diagram 3.2 shows 5 circle that have the same size arrange close to each other in a square. The square length and width are 50 cm and 10 cm. [use $\pi = \frac{22}{7}$]



Rajah 3.2

- i. Hitung jejari bulatan tersebut.
Calculate the radius of the circle. [1 markah/ 1 marks]
- ii. Hitung kawasan yang tidak berlorek.
Calculated the unshaded area. [3 markah/ 3marks]

Jawapan/*Answer* :

a)

b) (i)

(ii)

The page features two large, overlapping teal geometric shapes in the corners. One shape is in the top right corner, and the other is in the bottom left corner. They have rounded corners and a layered appearance, with a darker teal shade visible beneath the lighter one.

02.GARIS LURUS

STRAIGHT LINE


Bahagian A/Section A

1. Rajah 1 menunjukkan garis lurus PQ yang mempunyai persamaan $3y = -kx + 24$ dengan keadaan k ialah pemalar.

Cari nilai k .

Diagram 1 shows a straight line PQ with equation $3y = -kx + 24$ where k is a constant.

Find the value of k



Rajah 1/ Diagram 1

[3 markah/ marks]

Jawapan/ Answer:

2. Rajah 2 menunjukkan pelan bumbung sebuah reban arnab. Encik Azri bercadang untuk menukar palang lama, AB dengan yang baru. Cari panjang palang baru itu.

Diagram 2 shows a plan of a roof of rabbit coop. Mr. Azri wants to replace the old beam, AB with the new one. Calculate the length of the new beam.



Rajah 2/Diagram 2


Diberi persamaan garis lurus palang bagi atap, AC ialah $y = \frac{2}{3}x + 12$. Cari panjang, dalam cm, palang AB itu.

It is given that the equation of the rake of the roof, AC is $y = \frac{2}{3}x + 12$. Find the length, in cm, of the beam AB.

[3 markah/marks]

Jawapan/ Answer:

3. Rajah 3 menunjukkan dua garis lurus, RS dan ST, pada suatu satah Cartes dengan O ialah asalan.
Diagram 3 shows two straight lines, RS and ST, on a Cartesian plane with origin O.



Rajah 3/ Diagram 3

Diberi bahawa jarak RS ialah 13 unit dan $RO:OT = 1:2$.
Cari pintasan- x bagi garis lurus ST.

*It is given that the distance of RS is 13 units and $RO:OT = 1:2$.
Find the x -intercept of the straight line ST.*


[3 markah/marks]

Jawapan/ Answer:

Bahagian B section B

1. Dalam Rajah 1, O ialah asalan. Sebuah segi empat selari yang dilukis pada suatu satah Cartes yang mewakili kedudukan rumah Mathew, Perpustakaan Negeri Sabah, Pasaraya Sunny dan sekolah Mathew.

In Diagram 1, O is the origin. A parallelogram is drawn on a Cartesian plane, which represents the locations of Mathew's house, State Library Sabah, Sunny Supermarket and Mathew's school.



Diberi bahawa skala ialah 1 unit: 2km.

It is given that the scale is 1 unit: 2km.

- (a) Hitung jarak, dalam km, di antara rumah Mathew dengan Perpustakaan Negeri Sabah.
Calculate the distance, in km, between Mathew's house and the State Library Sabah
- (b) Cari persamaan bagi garis lurus yang menghubungkan Perpustakaan Negeri Sabah dengan Pasaraya Sunny.
Find the equation of the straight line that links the State Library Sabah and Sunny Supermarket.

[5 markah/marks]


Jawapan/ Answer:

(a)

(b)

2. Dalam Rajah 2, O ialah asalan. Garis lurus AB adalah selari dengan garis lurus CD dan garis lurus BC adalah selari dengan paksi- x . Persamaan garis lurus AB ialah $2y - 6x - 8 = 0$.

In Diagram 2, O is the origin. Straight line AB is parallel to straight line CD and straight line BC is parallel to the x -axis. The equation of the straight line AB is $2y - 6x - 8 = 0$.



Rajah 2/ Diagram 2

Cari

Find

- (a) persamaan garis lurus BC ,
the equation of the straight line BC ,
- (b) persamaan garis lurus CD ,
the equation of the straight line CD ,
- (c) pintasan- x bagi garis lurus CD .
The x -intercept of the straight line CD .

[7 markah/*marks*]

Jawapan/ *Answer:*


(a)

(b)

(c)

3. Rajah 3 menunjukkan kedudukan rumah Joseph, rumah Jenny dan rumah Azri yang dilukis pada satah Cartes. Diberi skala ialah 1 unit = 3km,

Diagram 3 shows the position of Joseph's house, Jenny's house and Azri's house drawn on a Cartesian plane. Given that the scale is 1 unit = 3km,



Rajah 3/ Diagram 3

- (a) hitung jarak dalam km, di antara rumah Azri dengan asalan O
calculate the distance in km, between Azri's house and the origin O
- (b) tentukan persamaan garis lurus yang menghubungkan rumah Joseph dengan rumah Jenny
determine the equation of straight line connecting Joseph's house and Jenny's house
- (c) Cikgu Aminah ingin melawat Jenny kerana dia tidak hadir sekolah 10 hari berturut-turut. Cikgu Aminah memandu kereta dari rumah Azri ke rumah Jenny melalui jarak terdekat dengan purata laju 80 kmj^{-1} . Hitung masa yang diambil, dalam jam.
Teacher Aminah want to visit Jenny who absent for 10 days in a row. Calculate the time taken, in hours, by Teacher Aminah to arrive Jenny's house if she drives from Azri's house to Jenny's house using the shortest route at an average speed of 80 kmj^{-1} .

[9 markah/marks]

Jawapan/ *Answer*:

(a)

(b)

(c)

(d)






03.LOKUS DALAM DUA MATRA

***LOCI IN TWO
DIMENSIONS***

(LOKUS DALAM DUA DIMENSI / LOCI IN TWO DIMENSIONS)


Lokus ialah satu surihan atau lintasan oleh satu set titik dalam satu satah atau ruang tiga dimensi yang memenuhi syarat-syarat tertentu

A locus is a trace or trajectory formed by a set of points in a plane or three-dimensional space that satisfies certain conditions

Generalisasi / in general Huraian selengkapanya	Hurai pergerakan & Bina lokus Describe movement & Construct locus
Lokus bagi suatu titik yang berjarak tetap dari satu titik tetap ialah sebuah bulatan yang berpusat di titik tetap tersebut <i>The locus of a point that is equidistant from a fixed point is a circle centered at that fixed point.</i>	 Lokus bagi titik P sentiasa berjarak 3cm dari satu titik tetap O. <i>Locus of point P is always 3 cm from a fixed point O.</i>
Lokus bagi suatu titik yang berjarak sama dari dua titik tetap ialah pembahagi dua sama serenjang bagi garis lurus yang menyambungkan dua titik tetap itu. <i>The locus of a point that is equidistant from two fixed points is the perpendicular bisector of the line connecting the two fixed points.</i>	 Lokus bagi titik P yang berjarak sama dari dua titik tetap M dan N. <i>Locus of point P that is equidistant 3 cm from two fixed points M and N.</i>
Lokus bagi titik yang berjarak tetap dari satu garis lurus ialah garis lurus yang selari dengan garis lurus tersebut.(dengan jarak berserenjang yang tetap) <i>The locus of points that are of constant distance from a straight line are straight lines parallel to that straight line.</i>	 Lokus bagi titik X ialah sepasang garis selari dengan AB dan berjarak 3 unit dari garis AB. <i>Locus of point X which always moves at 3 units from the line AB is a pair of lines parallel to AB and 3 units from AB</i>
Lokus bagi titik yang berjarak sama dari dua garis lurus yang selari ialah satu garis lurus yang selari dan melalui titik tengah bagi pasangan garis lurus selari tersebut. <i>The locus of points that are equidistant from two parallel lines is a straight line parallel to and passes through the midpoints of the pair of parallel lines.</i>	 Lokus bagi titik X ialah garis selari dengan AB dan DC serta berjarak 3 cm dari garis AB dan DC. <i>Locus of point X that is a line parallel to AB and DC and is 3 units from the lines AB and DC.</i>
Lokus bagi titik yang berjarak sama dari dua garis lurus yang bersilang ialah pembahagi dua sama sudut bagi garis-garis tersebut. <i>The locus of points that are equidistant from two intersecting lines is the angle bisector of angles formed by the intersecting lines.</i>	 Lokus bagi titik X yang berjarak sama dari dua garis lurus, PQ dan PN yang bersilang di P. <i>Locus of point X that is equidistant from two straight lines PQ and PN intersecting at P.</i>


Lokus yang memenuhi dua atau lebih syarat
Persilangan bagi dua atau lebih lokus boleh ditentukan dengan membina setiap lokus yang dinyatakan pada satu rajah yang sama.

Locus that satisfies two or more conditions
 The **intersection** of two or more loci can be determined by constructing each specified locus in the same diagram.



Persilangan Lokus X bergerak dengan jaraknya sentiasa 7 unit dari A
 Lokus Y yang bergerak dengan keadaan jaraknya sentiasa sama dari garis AB dan CD.

Intersection : locus of moving point X which is constantly 7 units from A.
 Locus of moving point which is equidistant from the lines AB and CD.




Lukis Dan tandakan persilangan

Persilangan: lokus bagi titik X yang bergerak dengan keadaan jaraknya sentiasa 2 cm dari M.
 Lokus bagi titik Y yang bergerak dengan keadaan jaraknya adalah sentiasa sama dari garis PR dan garis PV.

Draw all locus and mark intersection

Intersection: Locus of moving point X which is always 2 cm from point M.
 Locus of moving point Y which is equidistant from line PR and PV



Tentukan kedudukan yang mungkin bagi klinik.

Persilangan :
 Klinik hendaklah berjarak sama di antara rumah P dan rumah Q = garis lurus pembahagi dua sama untuk P dan Q.
 Klinik berjarak 600 meter dari suatu jalan raya AB = wujud dua garis selari.

Determine the possible location of clinic

Intersection :
 The clinic should be equidistant from house P and Q = locus is bisector of the straight line connecting points P and Q.
 The clinic is 600 meters from the highway AB = There are two lines parallel to the highway AB.


BAHAGIAN A / SECTION A

- 1 Rajah di bawah menunjukkan pentagon sekata $ABCDE$. Titik X dan titik Y ialah dua titik yang bergerak di dalam pentagon tersebut. Pada rajah,
The diagram below shows a regular pentagon $ABCDE$. X and Y are two moving points inside the pentagon. On the diagram,

- lukis lokus bagi titik X dengan keadaan $EX = XB$.
draw the locus of point X such that $EX = XB$.
- lukis lokus bagi titik Y dengan keadaan $EY = ED$.
draw the locus of point Y such that $EY = ED$.
- Tandakan dengan simbol $\otimes$ semua titik persilangan bagi lokus X dan lokus Y .
Mark all the intersection points for locus of X and locus of Y with the symbol $\otimes$.

[3 markah/ marks]

Jawapan/Answer :




- 2 Rajah di bawah menunjukkan kawasan laut yang berbentuk segi tiga FGH . Titik X dan titik Y ialah dua lokus yang menghuraikan kedudukan sebuah kapal terbang yang terhempas. Pada rajah

The picture below shows the triangular ocean area FGH . Point X and point Y are two loci that describe the location of an airplane that crashed. On the diagram,

- lukis lokus bagi titik X dengan keadaan jaraknya sentiasa sama dari garis HF dan HG .
draw the locus of point X such that it is equidistant from lines HF and HG .
- lukis lokus bagi titik Y dengan keadaan $YF = FG$
draw the locus of point Y such that $YF = FG$.
- seterusnya tandakan dengan simbol $\otimes$ bagi kedudukan yang mungkin bagi helikopter tersebut.
mark the possible location for the helicopter with the symbol $\otimes$.

[3 markah/ marks]

Jawapan/Answer :



- 3 Rajah di bawah menunjukkan segi empat sama $IJKL$ dengan sisi 6 cm. Dua semi bulatan berpusat di M dan N dilukis di dalam segi empat sama $IJKL$. Diberi M dan N ialah titik tengah IL dan JK . Pada rajah, lorekkan rantau yang memenuhi pergerakan lokus-lokus berikut.

The diagram below shows square $IJKL$ with sides of 6 cm. Two semicircles with centres M and N are drawn inside square $IJKL$. M and N are the midpoints of IL and JK . On the diagram, shade the region that satisfies the following conditions.

- (a) Lokus bagi titik X yang sentiasa bergerak dengan keadaan $XM \leq 3$ cm dan lebih daripada 3 cm dari garis LK .

The locus of point X which moves such that $XM \leq 3$ cm and more than 3 cm from the line LK .

- (b) Lokus bagi titik Y yang sentiasa bergerak dengan keadaan $YM \geq 3$ cm dan $YN \geq 3$ cm.


The locus of Y which moves such that $YM \geq 3$ cm and $YN \geq 3$ cm.

- (c) Huraikan persilangan antara lokus X dengan lokus Y .

Describe the intersection between locus of X and locus of Y .

[3 markah/ marks]

Jawapan/Answer :



- 4 Rajah di bawah menunjukkan kawasan berpagar bagi suatu padang rumput berpagar bagi suatu padang rumput berbentuk segi empat tepat $OPQR$ dengan ukuran 6 m X 8 m. Seekor kambing diikat pada titik P dengan seutas tali yang panjangnya 7 meter. Lorekkan rantau yang boleh dicapai oleh kambing itu.


The diagram below shows a rectangular fenced-up grass field $OPQR$ measuring 6 m X 8 m. A goat is tied at point P with a 7 meter long rope. Shade the region that is reachable by the goat.

Shade the region that is reachable by the goat.



[2 markah/ marks]

Jawapan/Answer :



BAHAGIAN B / SECTION B

- 1 (a) Rajah di bawah dilukis pada grid segi empat sama bersisi 1 unit. Titik X , titik Y dan titik Z ialah tiga titik yang bergerak di dalam segi empat sama itu.

The diagram below is drawn on a square grid with sides of 1 unit. Point X , point Y and point Z are three points which move in the square.

- (i) X ialah titik yang bergerak dengan keadaan jaraknya adalah sentiasa sama dari titik Q dan titik C . Dengan menggunakan huruf dalam rajah, nyatakan lokus bagi titik X .

X is a point which moves such that it is equidistant from points Q and C . Using the letters in the diagram, state the locus of point X .

- (ii) Pada rajah, lukis lokus bagi titik Y yang bergerak dengan keadaan jaraknya adalah sentiasa sama dari garis lurus SV dan VU .

On the diagram, draw the locus of point Y which moves such that it is equidistant from the straight lines SV and VU .

- (iii) Pada rajah, lukis lokus bagi titik Z yang bergerak dengan keadaan titik itu sentiasa berjarak 5 unit dari titik R .

On the diagram, draw the locus point of Z , which moves such that it is always 5 units from point R .

- (iv) Tandakan dengan simbol $\otimes$ kedudukan bagi semua persilangan bagi lokus Y dan lokus Z .


Mark the location of all the intersection points for locus of Y and locus of Z with the symbol $\otimes$.

[4 markah/ marks]

Jawapan/Answer :


1. (a) (i)

(ii)



- (b) Rajah di bawah menunjukkan segi empat sama $EFGH$ dengan sisi 4 cm dan suatu bulatan berpusat di O dengan jejari 1 cm. Titik X dan titik Y ialah dua titik yang sentiasa bergerak di dalam segi empat sama $EFGH$.

The diagram below shows a square $EFGH$ with sides of 4 cm and a circle centred at O with radius of 1 cm. Point X and point Y are two points that always move inside the square $EFGH$.



Huraikan pergerakan yang mungkin bagi lokus titik X dan titik Y bagi titik persilangan berikut.

Describe the possible movement of the loci of the point X and point Y for the following points of intersection:

- (i) B dan D
B and D
- (ii) A dan C
A and C

[4 markah/ marks]

Jawapan/Answer :

(b) (i) lokus X : _____


Lokus Y : _____

(ii) lokus X : _____

Lokus Y : _____

- 2 (a) Rajah di bawah menunjukkan dua semi bulatan, $PKLT$ dan $QNMS$ berpusat di R , dengan diameter masing-masing 8 cm dan 4 cm. KNR dan RML ialah lengkok bulatan berpusat di P dan T masing-masing.

The diagram below shows two semicircles, $PKLT$ and $QNMS$ centred at R , with diameters of 8 cm and 4 cm respectively. KNR and RML are arcs of circles centred at P and T respectively.



Berdasarkan rajah di atas, nyatakan

Based on the diagram above, state


- (i) Titik yang berjarak 2 cm dari R dan 4 cm dari P .
The point which is 2 cm from R and 4 cm from P .
- (ii) Titik yang berjarak lebih daripada 2 m dari R dan 4 cm dari T .
The point which is more than 2 cm from R and 4 cm from T .
- (iii) Kedudukan bagi titik X yang bergerak dalam rajah dengan keadaan kurang daripada 4 cm dari P dan lebih daripada 2 cm dari R .
The location of a moving point X in the diagram such that it is less than 4 cm from P and more than 2 cm from R .
- (iv) Kedudukan bagi titik Y yang bergerak dalam rajah dengan keadaan $YR < 2$ cm dan $YP < 4$ cm.
The location of a moving point Y in the diagram such that $YR < 2$ cm and $YP < 4$ cm.
- (v) Kedudukan bagi titik Z yang bergerak dalam rajah dengan keadaan $ZT > 4$ cm, $ZP > 4$ cm dan $ZR > 2$ cm.
The location of a moving point Z in the diagram such that $ZT > 4$ cm, $ZP > 4$ cm and $ZR > 2$ cm.

[5 markah/ marks]

Jawapan/Answer :

- (a) (i) _____
 (ii) _____
 (iii) _____
 (iv) _____
 (v) _____

- (b) Rajah di bawah menunjukkan garis lurus PQ yang berjarak 5 cm.
The diagram below shows a straight line PQ of 5 cm.



- (i) X ialah satu titik yang sentiasa berjarak 3 cm dari titik P . Huraikan selengkapnya lokus bagi titik X .
 X is a point that always 3 cm from point P . Describe the locus of point X completely.
- (ii) Y ialah satu titik yang sentiasa berjarak 4 cm dari titik Q . Huraikan selengkapnya lokus bagi titik Y .
 Y is a point that is always 4 cm from point Q . Describe the locus of point Y completely.


[2 markah/ marks]

Jawapan/Answer :

(b) (i)

(ii)

- 3 (a) Dalam rajah di bawah, SLMQ, PKLR, QNKS dan RMNP ialah lengkok bulatan berjejari 4 cm dan berpusat di P, Q, R dan S masing-masing.
In the diagram below, SLMQ, PKLR, QNKS and RMNP are arcs of circles with radii of 4 cm and centred at P, Q, R and S respectively.



Berdasarkan rajah di atas, nyatakan

Based on the diagram above, state

- (i) Kedudukan bagi titik X yang bergerak dalam rajah dengan keadaan $XS < 4$ cm, $XP < 4$ cm dan $XQ > 4$ cm.

The location of a moving point X in the diagram such that $XS < 4$ cm, $XP < 4$ cm and $XQ > 4$ cm.

- (ii) Kedudukan bagi titik Y yang bergerak dalam rajah dengan keadaan $YR > YP$.

The location of a moving point Y in the diagram such that $YR > YP$.

- (iii) Kedudukan bagi titik Z yang bergerak dalam rajah dengan keadaan $ZP < 4$ cm, $ZQ < 4$ cm, $ZR < 4$ cm dan $ZS < 4$ cm.


The location of a moving point Z in the diagram such that $ZP < 4$ cm, $ZQ < 4$ cm, $ZR < 4$ cm and $ZS < 4$ cm.

[3 markah/ marks]

- (b) Rajah di bawah menunjukkan garis lurus CD yang berjarak 6 cm.

T ialah satu titik yang sentiasa berjarak 1.5cm dari garis lurus CD.

The diagram below shows the straight line, CD which is 6 cm long. T is a point that is always 1.5cm from the straight line, CD.



- (i) Lukis lokus bagi titik T.
Draw the locus of point T.
 (ii) Huraikan selengkapnya lokus bagi titik T.
Describe completely, the locus of point T.

[2 markah/ marks]

Jawapan/*Answer* :

(a) (i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(b) (i)

C ————— D
6 cm

(iii) _____

The slide features two large, rounded teal shapes in the corners. One is in the top right, and the other is in the bottom left, both pointing towards the center. The main text is centered on a white background.

04.PENGURUSAN KEWANGAN

***FINANCIAL
MANAGEMENT***

Bahagian A/Section A

1. Albert meminjam sebanyak RM20 000 dari Bank A dengan kadar faedah mudah 3.15 % setahun bagi 5 tahun. Manakala, Rohana meminjam amaun yang sama dari Bank Q dengan kadar faedah mudah 4% setahun bagi 5 tahun. Nyatakan perbezaan antara jumlah faedah yang dibayar oleh Albert dan Rohana.

Albert borrows RM20 000 from Bank A with simple interest 3.15% per annum for 5 years. Mean while, Rohana borrows the same amount from Bank Q with simple interest of 4% per annum for 5 years. State the difference of interest amount paid between Albert and Rohana.

[3 markah/ 3 marks]

Jawapan/Answer :

2. Pada awal tahun 2020, Encik Karim menyimpan RM25 000 dalam akaun simpanan dengan kadar mudah 3.25% setahun dan pengkompaunan setiap 3 bulan. Berapakah jumlah faedah yang diperolehi oleh Encik Karim pada awal tahun 2028?

Early 2020, Mr Karim saves RM25 000 in a saving account with 3.25% per annum and compounded every 3 months. What is the matured value obtained by Mr Karim on early 2028?

[3 markah/ 3 marks]

Jawapan/Answer :

3. Encik Ramesh membeli sebuah kereta dengan harga RM59 670. Dia membayar 10% deposit dan selebihnya dia membayar secara ansuran kepada bank sebanyak RM784.77 sebulan selama 7 tahun. Hitungkan kadar faedah, dalam %, dalam setahun.

Mr Ramesh bought a car with a price RM59 670. He paid 10% deposit and pay monthly instalment of RM784.77 per month for 7 years. Calculate the loan interest, in %, per annum.

[4 markah/ 4 marks]

Jawapan/Answer :

4. Uda dan Dara sama-sama hendak melabur sebanyak RM50 000. Uda melabur RM50 000 secara sekali gus dengan membeli saham Syarikat Usahasama yang berharga RM2.50 seunit. Manakala Dara melabur dalam saham RM10 000 sebulan selama 5 bulan berturut-turut. Nilai harga saham seunit pada setiap bulan adalah seperti berikut;

Both Uda and Dara want to invests RM50 000. Uda invested a total of RM50 000 lump sum to buy Syarikat Usahasama shares with the price of RM2.50. Meanwhile, Dara invest RM10 000 monthly for 5 months consecutively. The share's price for each month is shown below;

Bulan Month	Jan	Feb	Mac	April	Mei
Harga seunit (RM) Price per unit (RM)	2.50	2.80	2.00	1.90	1.85

Cari perbezaan unit saham yang dimiliki oleh Uda dan Dara.

Find the different share units own by Uda and Dara.

[4 markah/ 4 marks]

Jawapan/Answer :

5. Sarah membeli sebuah rumah yang mempunyai 3 bilik tidur dengan harga RM150 000 dan menyewakan setiap bilik rumahnya dengan harga RM180 sebilik. Setiap tahun dia memperuntukan RM10 000 untuk kos pembaikan rumah. Selepas 15 tahun, Sarah menjual rumah itu dengan harga RM250 000. Hitungkan nilai pulangan pelaburannya.
Sarah bought a house with 3 bedrooms with a price of RM150 000 and rented each room for RM180 per room. Each year she allocates RM10 000 for repairs cost. After 15 years, Sarah decides to sale the house for RM250 000. Calculate her returns on investment.

[3 markah/3 marks]

Jawapan/Answer :

Bahagian B

6. Dora menerima penyata kad kredit untuk bulan Mei 2021 dari Bank Amsara seperti berikut:

Dora received her credit card statement for May 2021 from Amsara Bank as below;

Dora Hepi Beaufort		BANK AMSARA	
		Tarikh Penyata <i>Statement Date</i>	Tarikh Akhir Pembayaran <i>Payment Due Date</i>
		28/04/2021	15/05/2021

Tarikh Transaksi <i>Transaction Date</i>	Deskripsi Transaksi <i>Transaction Description</i>	Jumlah (RM) <i>Amount (RM)</i>
07/04/2021	Baki lalu / <i>Previous Balance</i>	4572.61
14/04/2021	G Hypermarket	230.50
14/04/2021	Bayaran Balik / <i>Payment</i>	1500.00
28/04/2021	Faedah dikenakan / <i>Interest Charge</i>	49.55
Jumlah / Total		P

- (a) Hitungkan nilai P
Calculate the value of P. [2 markah/2 marks]
- (b) Berapakah bayaran minimum yang harus dibayar oleh Dora jika pengguna kad kredit boleh membayar minima 5% atas baki?
What is the minimum payment needed to be paid by Dora? [2 markah/marks]
- (c) Sekiranya Dora tidak membuat sebarang pembayaran pada bulan Mei tetapi membayar sebanyak RM2 500 pada bulan Jun, hitungkan baki yang perlu dibayar pada bulan berikutnya jika dia dikenakan 18% setahun atas baki .
If Dora did not make any payment in May but make the payment in Jun for RM2 500, calculate the amount she need to pay in the following month if she is charged 18% per annum on debt. [3 markah/3 marks]

Jawapan/Answer :

(a)

(b)

(c)

7. Puan Sandara membeli sebuah kereta dengan harga RM42 898. Bank menawarkan 3 pakej pembayaran seperti berikut:
Mrs. Sandara want to buy a car with the price of RM42 898. The bank offers 3 packages as below;

Pakej A Package A
Deposit : 10% <i>Deposit : 10%</i>
Faedah : 3.5% setahun <i>Interest : 3.5% per annum</i>
Tempoh pinjaman : 7 tahun <i>Loan tenure : 7 years</i>

Pakej B Package B
Deposit : 10% <i>Deposit : 10%</i>
Faedah : 3.5% setahun <i>Interest : 3.5% per annum</i>
Tempoh pinjaman : 9 tahun <i>Loan tenure : 9 years</i>

Pakej C Package C
Deposit : 0% <i>Deposit : 0%</i>
Tempoh pinjaman : 9 tahun <i>Loan tenure : 9 years</i>
Ansuran : RM540 <i>Monthly instalment : RM540</i>

Pakej manakah yang patut dipilih oleh Puan Sandara. Jelaskan alasan anda.
Which package should Mrs. Sandara choose? Give your reason.

[5 markah/5 marks]

Jawapan/Answer :

Bahagian C [15 markah]

8. Yi Zhou membeli sebuah rumah pangsa dua bilik dengan harga RM144 000 pada 1 Januari 2010. Dia membayar 10% deposit dan dikenakan caj-caj berikut:

Yi Zhou bought an apartment with a price of RM144 000 on 1st January 2010. He paid 10% deposits and charged as below;

Kos guaman <i>Legal Cost</i>	RM10 000
Duti setem <i>Stamp duty</i>	RM1 500
Kos ejen <i>Agent cost</i>	RM11 520

Selebihnya Yi Zhou membayar secara ansuran kepada bank dengan kadar faedah mudah 4.25% selama 20 tahun.

Yi Zhou pays by instalment to the bank for the rest with simple interest of 4.25 % for 20 years.

- (a) Yi Zhou menjadikan rumah tersebut sebagai rumah inap desa dengan sewaan RM250 semalam. Dalam sebulan sekurang-kurangnya dia menerima tetamu selama 15 malam. Jika dia memperuntukan kos pembersihan sebanyak RM1 000 sebulan, adakah pendapatan bulannya melebihi bayaran ansuran bulannya?

Yi Zhou decided to make a homestay with RM250 per night. For each month he managed to receive at least 15 nights of guests. If he allocates RM1 000 cleaning cost monthly, does he's nett income receive more than he's instalment?

[5 markah/5 marks]

- (b) Yi Zhou menyimpan kesemua pendapatan bersih bulanan sewaannya ke dalam bank. Selepas 5 tahun, dia hendak memindahkan pendapatannya ke dalam akaun simpanan tetap. Bank Ayu menawarkan kadar faedah 3.5% setahun dan pengkompounan setiap 4 bulan, manakala Bank Bayu menawarkan 3.6% setahun dan pengkompounan setiap 6 bulan. Bank manakah yang patut Yi Zhou pilih? Jelaskan.

Yi Zhou kept all his monthly nett income in a bank. After 5 years, he decides to transfer the nett incomes to fixed deposit account. Bank Ayu offer 3.5% per annum and compounded every 4 months, while Bank Bayu offers 3.6% per annum and compounded every 6 months. Which bank would Yi Zhou choose? Explain.

[5 markah/5 marks]

- (c) Selepas 20 tahun, Yi Zhou berhasrat untuk menjual rumah inap desanya. Jika dia menjual rumah inap desanya dengan harga RM280 000, hitungkan nilai pulangan pelaburannya?

After 20 years, Yi Zhou wants to sell his homestay. If he wants to sell the homestay for RM280 000. Calculate the return on investment?

[5 markah/5 marks]

Jawapan/*Answer* :

(a)

(b)

(c)

9. Haris membuat pinjaman peribadi sebanyak RM5 000 dari Bank Maulana dengan kadar faedah atas 8% atas baki. Tempoh bayaran baliknya ialah 1 tahun manakala ansuran bulanannya ialah RM435 sebulan.

Haris makes a personal loan of RM5 000 with Bank Maulana with interest 8% on debt. His loan tenure is a year with monthly repayment of RM435 monthly.

- (a) Lengkapkan jadual 1 yang menunjukkan faedah yang dibayar, prinsipal baru dan baki pinjaman.

Complete Table 1 to shows the interest pay, new principal and loan balance.

[6 markah/ 6 marks]

Jawapan/Answer :

(a)

Bulan Month	Prinsipal Principal (RM)	Faedah Interest (RM)	Bayaran Payment (RM)	Baki pinjaman Loan Balance (RM)
Januari	5000	33.33	435	4598.33
Februari	4598.33		435	
Mac			435	
April			435	
Mei			435	
Jun			435	
Julai			435	
Ogos			435	
Sept			435	
Okt			435	
Nov			435	
Dis	431.40	2.88	434.28	0.00

- (b) Lily juga membuat pinjaman dengan amaun dan tempoh bayaran yang sama dengan Haris dengan kadar faedah sama rata 8% setahun. Hitungkan perbezaan jumlah faedah yang dibayar oleh Lily dan Haris.

Lily also make the same amount and loan tenure as Haris with a flat rate of 8%. Calculate the difference of total interest pay by Lily and Haris.

[3 markah/ 3 marks]

- (c) Haris menerima gaji sebanyak RM2 800 sebulan, dengan ansuran bulanan pinjaman peribadi di (a) dan perbelanjaan bulanannya sebanyak RM1 500 sebulan. Dia hendak membeli sebuah kereta berharga RM25 000. Dia menggunakan RM3000 untuk deposit kereta dan selebihnya dia meminjam dengan bank dengan kadar 3.5% setahun selama 5 tahun. Hitungkan baki gaji bulanannya, dalam RM.

Haris receive RM2 800 monthly salary, monthly personal loan repayment in (a) and spends RM1 500 monthly. He wants to buy a car with a price of RM25 000. He used RM3 000 for car deposit and make a loan from the bank with interest 3.5% per annum for 5 years. Calculate his monthly salary balance, in RM.

[5 markah/ 5 marks]

Jawapan/*Answer* :

(b)

(c)

The image features a white background with large, rounded teal shapes in the top-right and bottom-left corners. The text is centered in the middle of the page.


05.PELAN DAN DONGAKAN

PLAN AND ELEVATION

Bahagian A / Section A
[40 markah / 40 marks]

1. Dua dongakan dalam rajah di bawah menunjukkan ukuran, dalam meter, bagi sebuah rumah yang dilukis oleh Zarith. Bumbung terdiri daripada dua bahagian segi empat tepat yang sama.

The two elevations in the diagram shows the measurements, in metres, of the house drawn by Zarith. The roof is made up of two identical rectangular sections.



Hitung jumlah luas, dalam m^2 , bumbung itu. Tunjukkan jalan kerja anda.




Calculate the total area, in m^2 , of the roof. Show your working steps.

[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

2. Rajah di bawah menunjukkan pelan, dongakan depan, dan dongakan sisi bagi suatu gabungan pepejal pada suatu satah mengufuk. Ketiga-tiga pelan dan dongakan dilukis mengikut skala 1:2

Diagram below shows the plan, front elevation, and side elevation for a composite solid on a horizontal plan. All three plan and elevations were drawn at a scale of 1:2



Lukis gabungan pepejal itu.
Draw the composite solid


[3 markah/marks]

Jawapan/Answer:

Bahagian B / Section B
[45 markah/45 marks]

11. Rajah 11.1 menunjukkan sebuah gabungan pepejal berbentuk prisma dengan keratan rentas segi tiga bersudut tegak dan separuh silinder berdiameter 4 cm dengan tapak ABCDEF terletak di atas satah mengufuk.

Diagram 11.1 shows a combined solid of right prism with uniform cross-section of a right angled triangle and a half cylinder of diameter 4 cm with a base ABCDEF on a horizontal plane.



Rajah 11.1 / Diagram 11.1

Lukis dengan skala penuh,
Draw to full scale,

- Pelan pepejal itu.
The plan of the solid.
- Dongakan gabungan pepejal itu dari arah X.
The elevation of the combined solid as viewed from X.

[9 markah /marks]


Jawapan / *Answer*:

(a)

(b)

12. Rajah 12.1 menunjukkan sebuah pepejal berbentuk prisma tegak dengan tapak segi empat tepat ABCD terletak pada satah mengufuk. Heksagon ABJIFE ialah keratan rentas seragam prisma itu. $EF = IJ = 30$ cm.

Diagram 12.1 shows a solid right prism with rectangle base ABCD on a horizontal plane. The plan ABJIFE is the uniform cross section of the prism. $EF = IJ = 30$ cm.



Rajah 12.1 / Diagram 12.1

- a) Lukis dengan skala 1:10,
Draw at a scale of 1:10,
 i) Dongakan prisma itu dari arah X,
The elevation of the prism as viewed from X,
 ii) Dongakan prisma itu dari arah Y.
The elevation of the prism as viewed from Y.

[6 markah/marks]


Jawapan/Answer:

a) i)

ii)

- b) Sebuah pepejal lain berbentuk prisma tegak segi tiga bersudut tegak FIJ sebagai keratan rentas seragamnya dicantumkan kepada prisma dalam Rajah 12.1 pada satah mengufuk IJRQ. diberi bahawa $FP = PG$. gabungan pepejal adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 12.2

Another solid right prism with right angles triangle FIJ as its uniform cross section is joined to the prism in Diagram 12.1 at the horizontal IJRQ. it is given that $FP = PG$. the combined solid is shown in Diagram 12.2



Rajah 12.2/Diagram 12.2

- b) Lukis dengan skala 1:10, pelan pepejal itu
Draw at a scale of 1:10, the plan of the solid

[4 markah/marks]

Jawapan/Answer:


b)

Bahagian C / Section C

[15 markah /15 marks]

16. Dalam suatu aktiviti bilik darjah, Puan Siti melukis pelan, dongakan depan dan dongakan sisi sebuah pepejal di papan putih seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 16.1.

In a classroom activity, Puan Siti draw the plan, the front elevation and the side elevation of a solid on white board as shown in Diagram 16.1.



Rajah 16.1 / Diagram

- a) Berdasarkan lukisan yang diberi,
Based on the sketches given,
- i) Lakarkan dan namakan pepejal itu.
Sketch and name the solid.
 - ii) Cari tinggi pepejal, dalam cm.
Find the height of the solid, in cm.
 - iii) Hitung isipadu pepejal, dalam cm^3 .
Calculate the volume of the solid, in cm^3 .

[5 markah /marks]

Jawapan/Answer:

i)

ii)

iii)


- b) Seorang murid melukis semula pelan dalam Rajah 16.1 dengan skala 1:2 dan 1: $\frac{1}{2}$.
Hitung beza perimeter, dalam cm, antara lukisan berskala itu.
*A student redraws the plan in diagram 16.1 using the scale of 1:2 and 1: $\frac{1}{2}$ respectively.
Calculate the difference in perimeter, in cm, of the scale drawings.*

[4 markah /marks]

Jawapan/Answer:

b)

- c) Puan Siti meminta setiap murid menggunting segitiga mengikut ukuran dongakan depan daripada kepingan kadbod. Puan Siti melabel lapan keping kad dengan huruf dan nombor seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 16.2
Puan Siti asks each student to cut a triangle following the measurement of front elevation from a card. Puan Siti labels eight cards with letters and numbers as shown in Diagram 16.2



Rajah 16.2 / Diagram 16.2

Dia meletakkan semua kad berlabel huruf ke dalam kotak A dan semua kad berlabel nombor ke dalam kotak B. Seorang murid mengeluarkan kad secara rawak daripada setiap kotak itu.

Dengan menyenaraikan semua kesudahan peristiwa yang mungkin, hitung kebarangkalian bagi setiap peristiwa berikut.

*She puts all the cards labelled with letters into box A and all cards labelled with numbers into box B. A student randomly draws a card from each box.
By listing all the possible outcomes of the event, calculate the probability of each of the following events.*

- i) Peristiwa mendapat huruf M daripada kotak A atau nombor 0 daripada Kotak B.
An event of getting a letter M from box A or a number 0 from box B.
- ii) Peristiwa mendapat huruf konsonan daripada kotak A dan nombor ganjil dari kotak B.
An event of getting a consonant from box A and an odd number from box B.
- iii) Peristiwa mendapat huruf vokal daripada kotak A atau peristiwa mendapat nombor genap daripada kotak B.
An event of getting a vowel from box A or an even number from box B

[6 markah /marks]

Jawapan/Answer:

i)

ii)

iii)

17.

- a) Amira akan melangsungkan perkahwinan dalam tempoh empat minggu akan datang. Beliau mahu menempah pelamin yang menggunakan bunga ros berwarna putih dan merah. Harga bagi sekuntum bunga ros berwarna putih ialah RM1.20, manakala harga bagi sekuntum bunga ros berwarna merah ialah RM1.60. Jumlah keseluruhan bunga ros yang diperlukan ialah 1000 kuntum. Jumlah wang yang dibelanjakan untuk membeli bunga ros berkenaan ialah RM 1 440.

Amira will be getting married in the next four weeks. She wanted to have a dais consist of white roses and red roses. The cost for a white rose is RM1.20, while the cost for a red rose is RM1.60. the total roses needed are 1000 pieces. The amount of money spent to buy roses is RM 1 440.

Dengan menggunakan kaedah matriks, hitung bilangan bunga ros putih dan bunga ros merah yang diperlukan untuk pelamin beliau.

By using matrix method, calculate the number of white roses and red roses needed for her dais.


[6 markah/marks]

Jawapan/Answer:

a)

- b) Puan Maria ingin menghadiahkan sebiji kek dua tingkat kepada Amira sempena perkahwinannya. Beliau menempah kek itu dari kedai kek berhampiran. Rajah 17.1 di bawah menunjukkan reka bentuk kek yang beliau ingin tempah.

Puan Maria wanted to give a two-layer cake to Amira for her wedding. She orders the cake from a nearby cake shop. Diagram 17.1 below shows the cake design she wanted to order.



Rajah 17.1 / Diagram 17.1

Kek tersebut dibina dengan menggunakan sebuah kuboid dan dua buah silinder. Ketinggian dan lebar kek yang di bahagian bawah itu masing-masing ialah 9 cm dan 30 cm. diameter kek kecil dan kek besar di bahagian atas masing masing ialah 15 cm dan 30 cm, manakala ketinggian masing-masing ialah 6 cm dan 15 cm.

The cake is built using one cuboid and two cylinders. The height and width of the cake at the bottom layer are 9 cm and 30 cm respectively. The diameter of the small cake and the larger cake at the top layer is 15 cm and 30 cm respectively. Meanwhile the height of them is 6 cm and 15 cm.

Bagi memudahkan kedai kek untuk menyediakan kek tersebut, Puan Maria telah melukis lukisan pelan dan lukisan dongakan dari arah X bagi kek tersebut mengikut skala 1:3. Lukis semula,

To make it easier for the cake shop to prepare the cake, Puan Maria has drawn a plan and elevation from the X direction for the cake on a 1:3 scale. Redraw,

- i) Pelan kek.

The plan of the cake.

[4 markah/marks]

- ii) Dongakan seperti yang dilihat dari arah X

Elevation as viewed from X direction

[5 markah/marks]

Jawapan / *Answer*:

b.i)

b.ii)

The image features a white background with two large, teal-colored geometric shapes in the corners. One shape is in the top right corner, and the other is in the bottom left corner. Both shapes are composed of overlapping rounded rectangles, creating a layered, 3D effect.

06.PERSAMAAN LINEAR

LINEAR EQUATION

BAB 6/CHAPTER 6: PERSAMAAN LINEAR./LINEAR EQUATIONS

Nota ringkas/Short Notes

Bil	Persamaan/Equations	Contoh/Example	Kuasa Pemboleh ubah Degree of variable	Bil Pemboleh ubah Number of variable
1	Persamaan Linear dalam Satu Pemboleh Ubah/Linear Equation in One Variable	$x + 5 = 8$	1	1
2	Bukan Persamaan Linear/Not a Linear Equation	$xy, \frac{1}{x}, \frac{x}{y}$ $x^2 + 3 = 2$	lebih dari 1 more than 1	Lebih dari satu More than one
3	Persamaan Linear dalam Dua Pemboleh Ubah/Linear Equation in Two Variables	$6p + 4q = 9$ $ax + by = c,$ with $a \neq 0$ and $b \neq 0$	1	2

Membentuk persamaan linear berdasarkan situasi.

Form linear equation base on given situation.

Contoh/Example:

- 1) Satu nombor ditolak dengan 5, bakinya ialah 3.
Subtract 5 from a number, its remainder is 3.
- 2) Ali membeli 3 batang pen dengan harga x sen dan sebuah buah buku latihan dengan harga RM 3.50. Dia membayar keseluruhan dengan harga RM 7.50.
Ali bought 3 pens which cost x sen and a book which cost RM 3.50. The total amount that he paid was RM 7.50.

Penyelesaian/Solution;

- 1) Katakan nombor itu ialah x .
Let the number be x .
$$x - 5 = 3$$

- 2) Harga 3 pen = $3 \times x$
The price of 3 pens = $3 \times x$
$$= 3x$$

$$3x + 350 = 750$$

RM → sen
3.50 = 350

Tiga kaedah penyelesaian persamaan linear dalam satu pemboleh ubah.

Three methods of solving linear equations in one variable.

- a). Kaedah Cuba Jaya/ *Trial and improvement method*
- b). Aplikasi konsep kesamaan/ *Application of equality concept*
- c). Kaedah pematahbalikan/ *Backtracking method*

Contoh/Examples:

Selesaikan persamaan linear $3x + 1 = 7$
